

Soalan No:19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 15.11.2016

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk mengkaji semula dengan memberi pengiktirafan kepada sijil matrikulasi setaraf Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Diploma supaya dapat memberi nilai tambah kepada pelajar lepasan matrikulasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif awal untuk membolehkan lulusan Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia menikmati manfaat sama seperti lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau diploma. Namun demikian, KPM ingin menegaskan bahawa Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia masih tetap berpegang kepada matlamat asal penubuhannya iaitu sebagai peneraju program persediaan pelajar ke Universiti Awam khususnya dalam bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM).

RJM51